

CABARAN MAJALAH *PENGASUH* SEBAGAI MEDIUM DAKWAH

YAZILMIWATI YAACOB^a
Sunway College

ABSTRACT

This paper presents research findings on the challenges faced by the magazine *Pengasuh* as a medium to propagate Islamic knowledge. Although this magazine has been in circulation for almost a century now, its effort to disseminate Islamic teachings has not been very successful when compared to some other similar publications in Malaysia. The study used two types of research methods: library research and field research. The library research was used to collect information on the history of *Pengasuh* and the role of the publishing media in propagating religious knowledge. The fieldwork method involved interviewing those directly involved with the publication of *Pengasuh*. The results of the study show that in terms of content, the coverage of *Pengasuh* has been both substantive and relevant to the propagation of Islamic knowledge. However, there exist a number of weaknesses in the planning and management of the magazine which appear to have contributed to the poor circulation of the magazine. The paper ends with suggestions on how to improve the production and circulation of the magazine so that it can play a more effective role in the propagation of Islamic teaching.

Key words: *Pengasuh*, Islamic teaching, publication problems of *Pengasuh*.

PENDAHULUAN

Ketika menyunting kertas kerja yang bertajuk “Sumbangan Majalah *Pengasuh* kepada Masyarakat,” S.Othman Kelantan (2000) ada menyebut:

Tidak dapat dinafikan sumbangan besar majalah Pengasuh kepada masyarakat ialah ilmu yang berhubung dengan Islam. Sejak awalnya, mulai bilangan satu, tahun 1918, Pengasuh menekankan soal-soal yang berhubung dengan agama Islam, kerana itu majalah Pengasuh penuh dengan tafsir al-Quran, Hadith, sejarah yang berhubung dengan Nabi Muhamad SAW, para sahabat, para wali, perjuangan para syuhada’ dan bagaimana terjadinya mazhab yang empat dalam Islam...

Sebagai seorang ahli akademik yang terlibat secara langsung dalam bidang penulisan dan banyak menulis tentang media, beliau wajar membangkitkan sumbangan majalah *Pengasuh* dalam dakwah khususnya di Malaysia. Pandangan beliau perlu diperhalusi supaya fungsi dan peranan media cetak khususnya majalah *Pengasuh* dalam dakwah dapat dipertingkatkan untuk kepentingan masyarakat Islam.

Sejarah Penerbitan Majalah *Pengasuh*

Jika diteliti dari sudut sejarah penerbitan majalah *Pengasuh* terdapat beberapa orang penulis seperti Mohamad Mahmud (2000), Abdul Razak Mahmud (1993) dan Mohd. Sarim Mustajab (1998) yang telah menulis tentang majalah *Pengasuh*. Perbincangan mereka kebanyakannya mengaitkan sejarah majalah *Pengasuh* dengan kegiatan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan atau ringkasnya (MAIK) pada masa itu iaitu menubuhkan sekolah Muhamadiyah (1917), menerbitkan majalah *Pengasuh* (1918), mengadakan kelas bahasa Inggeris (1918) dan membangunkan masjid Muhammadi (1921).

Menurut Md. Sidin Ahmad Ishak (1998), penerbitan MAIK merupakan penerbitan kerajaan yang paling tua dan diasaskan pada tahun 1917. MAIK dikatakan telah membeli sebuah mesin cetak yang berharga RM1000.00 daripada Jaafar bin Haji Mahmud untuk menerbitkan bahan pengajaran dan buku-buku sekolah. Pada tahun yang sama MAIK telah menubuhkan Jabatan Terjemahan yang ditadbir oleh Umar bin Ismail Nuruddin dan Haji Muhammad Daud Patani. Beberapa orang telah dilantik untuk menterjemah buku-buku Arab ke dalam bahasa Melayu. Pada 11 Julai 1918 MAIK telah menerbitkan majalah *Pengasuh* yang disunting oleh Muhamaad Yusuf bin Ahmad atau lebih dikenali dengan Tok Kenali. Majalah *Pengasuh* diterbitkan bertujuan untuk membawa mesej dakwah kepada masyarakat Islam.

Mengulas tentang peranan majalah tersebut pada masa itu, Abdul Rahman Al-Ahmadi (2000) menganggap kehadiran majalah tersebut hasil daripada cetusan pemikiran Tok Kenali bertujuan menjadikannya panduan kepada masyarakat mengenai permasalahan hukum agama.

Majalah *Pengasuh* telah mengalami perubahan dari semasa ke semasa. Menurut Muhamad Mahmud (2000), pada mulanya majalah tersebut diterbitkan sebagai warta Majlis dan seterusnya berubah menjadi *Pengasuh*. Naskhah sulung *Pengasuh* berukuran 8.1 inci lebar dan 12.6 inci panjang. Naskhah tersebut hanya mempunyai 8 muka surat. Oleh kerana permintaan pembacanya, *Pengasuh* telah dijadikan sebuah majalah. Daripada bilangan pertama sehinggalah kepada bilangan 336, iaitu selama 14 tahun majalah *Pengasuh* telah diterbitkan pada setiap 15 hari sekali. Bagaimanapun mulai penerbitan ke 337 (Februari 1932), *Pengasuh* telah diterbitkan secara mingguan iaitu setiap hari Isnin. Halamannya turut ditambah daripada 8 kepada 12 halaman bagi setiap penerbitan.

Mulai bilangan 589 (Disember 1936), majalah *Pengasuh* telah berubah daripada saiz kecil kepada saiz tabloid. Bentuk ini kekal sehingga penerbitan terakhir majalah tersebut sebelum perang dunia kedua iaitu pada bulan Disember 1937. Masa yang lama diambil untuk memperbaiki mesin cetak yang rosak dikatakan antara sebab pemberhentian *Pengasuh* pada ketika ini, di samping dasar penjimatan MAIK pada tahun 1930-an. Selepas Perang Dunia Kedua, majalah *Pengasuh* kembali diterbitkan pada tahun 1946 (Buletin MAIK 1997).

Pada bulan Julai tahun 1950, majalah *Pengasuh* telah bertukar daripada majalah mingguan kepada majalah bulanan dan penerbitannya terhenti sehingga bilangan 337 (Januari 1963). Kemudian, apabila majalah tersebut diterbitkan semula pada bulan Oktober 1964, saiznya juga turut berubah iaitu daripada saiz biasa kepada saiz *digest*. Majalah *Pengasuh* pada masa itu tidak lagi dicetak di MAIK tetapi telah berpindah ke Pustaka Aman Press Kota Bharu. Walau bagaimanapun, penerbitan kali ini hanya setakat 13 keluaran sahaja iaitu sehingga tahun 1965. Ini merupakan periode penerbitan *Pengasuh*

yang paling pendek sepanjang sejarah penerbitannya (Muhammad Mahmud 2000). Memandangkan kepada kepentingannya, menurut Abdul Razak Mahmud, (1993)¹, majalah *Pengasuh* diterbitkan kembali pada bulan Februari 1967 dan penerbitan kali ini berjalan selama 4 tahun, iaitu sehingga keluaran September/ Oktober 1971. Mulai bulan Februari 1975, majalah tersebut telah diterbitkan semula secara bulanan dan kekal sehingga kini. Walaupun isu yang dikemukakan oleh majalah *Pengasuh* agak menarik, ditambah dengan usianya yang hampir mencecah seabad, namun kemunculannya jauh ke belakang berbanding majalah Islam lain yang berada di pasaran. Fenomena ini berpunca daripada pengurusan dan pengendalian majalah *Pengasuh* yang diusahakan secara tradisional dan tidak mengambil kira perubahan dan kaedah pengendalian masa kini. Senario ini jelas memberikan input negatif kepada penerbitan Islam.

Menurut Md. Sidin Ahmad Ishak (1998), pada peringkat awal hingga tahun 1920-an, dalam proses penerbitannya, majalah *Pengasuh* mempunyai penulis, penyunting, penterjemah, pengatur huruf, pembaca pruf dan juga pencetak sendiri. Penerbitannya dikatakan dikendalikan secara agak teratur di mana keuntungan *Pengasuh* pada waktu itu ialah RM15,000.00 setahun. Berbanding dengan penerbitan majalah *Pengasuh* hari ini, penekanan kepada aspek tersebut tidak begitu diberi perhatian. Fenomena ini telah memberikan input negatif terhadap majalah tersebut dalam menghadapi persaingan dunia penerbitan pada abad ke-21 ini, walaupun usianya hampir mencecah seabad.

Ciri-Ciri Majalah Yang Baik

Menurut Mus Chairil Samani (2000), ciri sesebuah majalah yang baik boleh dibahagikan kepada dua faktor utama yang merangkumi faktor dalaman dan luaran. Faktor dalaman merangkumi ciri-ciri majalah itu sendiri yang mementingkan aspek mesej, gaya bahasa dan persembahan majalah. Manakala faktor luaran menekankan aspek kepakaran tenaga kerja, pengurusan kewangan dan pengiklanan serta promosi dan pengedaran majalah.

MASALAH KAJIAN

Penerbitan majalah *Pengasuh* pada peringkat awal hingga tahun 1920-an telah mencapai tahap penerbitan yang baik. Berbeza dengan penerbitannya pada hari ini yang begitu merosot jika hendak dibandingkan dengan majalah lain yang ada dalam pasaran. Oleh itu, kajian ini bertujuan menganalisis kelemahan yang dihadapi oleh majalah tersebut sebagai medium dakwah dalam penerbitan hari ini.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini adalah penting untuk menentukan kelemahan yang muncul dalam majalah *Pengasuh*. Ini kerana *Pengasuh* telah menjadi medium dakwah kepada masyarakat Islam semenjak dari tahun 1918 dan masih kekal sehingga ke hari ini. Walaupun demikian,

¹ Abdul Razak Mahmud merupakan nama samaran Muhamad Mahmud.

kemunculannya di persada penerbitan tanah air agak terkebelakang berbanding majalah lain yang ada dalam pasaran. Sebagai mengatasi kekurangan dan kelemahan yang timbul, beberapa saranan diberikan untuk memperbaiki mutu dan gaya persembahan majalah tersebut agar mampu bersaing dengan majalah lain.

METODOLOGI KAJIAN

Dua kaedah penyelidikan telah digunakan dalam kajian ini. Kajian perpustakaan digunakan untuk mengkaji tentang sejarah penerbitan majalah *Pengasuh* serta teori tentang ciri penerbitan yang baik. Manakala kajian lapangan meliputi metode temu bual dengan menemu bual mereka yang terlibat secara langsung dalam penerbitan majalah *Pengasuh*, seperti ketua pengarang serta kakitangan penerbitan majalah tersebut bagi mengetahui cabaran majalah *Pengasuh* sebagai medium dakwah.

DAPATAN KAJIAN

Majalah *Pengasuh* mempunyai kekuatan dan kelemahan yang tersendiri. Kekuatan majalah ini adalah dari sudut isi kandungan majalah tersebut yang dikatakan telah menjadi medium dakwah kepada masyarakat Islam hampir mencecah seabad. Manakala kelemahan majalah ini ialah daripada empat aspek utama, iaitu kelemahan dalam penyusunan sumber manusia secara teratur, pengurusan kewangan dan pengiklanan yang lemah, promosi dan pengedaran majalah yang tidak berkesan serta gaya bahasa dan persembahan majalah yang kurang menarik.

ISI KANDUNGAN MAJALAH PENGASUH

Ketika menyunting kertas kerja yang bertajuk “*Pemikiran Besar dalam Majalah Pengasuh*,” Abdul Rahman Al-Ahmadi (2000) menyebutkan:

..... melihat kembali penerbitan PENGASUH yang begitu lama usianya, dapatlah kita katakan PENGASUH menampung beberapa aliran pandangan pengarangnya. Namun begitu satu hal yang tidak berubah dari dasarnya ialah PENGASUH merupakan sebuah majalah Agama yang telah besar jasanya dalam memberi sumbangan kepada masyarakat umum.

Di kalangan pengkaji yang meneliti perkembangan majalah *Pengasuh*, mereka menganggap majalah tersebut telah memainkan peranan penting dalam menyampaikan mesej dakwah kepada pembaca khususnya kepada masyarakat Islam di Malaysia. Seperti yang disebut oleh Abdul Rahman Al-Ahmadi, pengarang berperanan penting dalam menentukan corak tema perbincangan yang diutarakan. Justeru itu, dalam artikel ini, penulis akan mengupas isi kandungan majalah tersebut yang merangkumi empat tema utama, iaitu akidah, syariah, tamadun dan tasawuf di bawah pengendalian dua pengarang yang berlainan iaitu Yusuf Zaki (1975–1990) dan Muhammad Mahmud (1990–2000).

Tema Akidah

Dalam tema ini, kedua-dua pengarang telah mengemukakan tiga bahagian yang utama iaitu asas-asas akidah, pemikiran Islam dan juga perbandingan agama.

Dalam bahagian asas-asas akidah, kebanyakan artikel yang diterbitkan pada masa Yusuf Zaki lebih memfokuskan kepada asas-asas akidah umat Islam yang merangkumi kepercayaan kepada Allah, Rasul, Kitab-Kitab Allah, Malaikat, Hari Kiamat serta Qada' dan Qadar. Manakala pada masa Muhamad Mahmud pula, penekanan difokuskan kepada persoalan bid' ah dan khurafat yang berlaku dalam masyarakat Islam bermula daripada sejarah zaman nabi-nabi hinggalah ke hari ini.

Manakala dalam bahagian pemikiran Islam pula, kedua-dua pengarang telah memfokuskan kepada cabaran dalaman dan luaran umat Islam. Walaupun begitu, terdapat perbezaan dari sudut penekanan isu. Yusuf Zaki lebih menumpukan kepada asas bermulanya perpecahan pemikiran di kalangan umat Islam yang merangkumi fahaman orientalisme, komunisme dan juga syiah. Sedangkan pada masa Muhamad Mahmud, penekanan difokuskan kepada krisis perkembangan pemikiran Islam semasa. Antaranya mengenai kemunculan *Sisters in Islam*, krisis umat Islam di Palestin dan juga golongan umat Islam yang berfikiran sempit dalam menilai hukum Allah.

Dalam bahagian perbandingan agama, isu mengenai propaganda Kristian di Malaysia telah diberi penekanan pada periode Yusuf Zaki yang disumbangkan oleh beberapa orang penulis sama ada secara bersiri atau sebaliknya. Sedangkan pada masa Muhamad Mahmud, kebanyakan artikel yang diterbitkan diambil daripada tulisan Maryam Jameelah yang merupakan seorang bekas penganut agama Yahudi. Oleh itu, penekanan beliau lebih tertumpu kepada cara peribadatan agama tersebut dan agama Kristian.

Tema Syariah

Pada masa Yusuf Zaki, tema syariah dibahagikan kepada lima bahagian utama, iaitu bahagian usul feqah, ibadah, perundangan Islam, perkahwinan dan juga ekonomi Islam. Manakala pada masa Muhamad Mahmud, tema tersebut telah dibahagikan kepada tiga bahagian yang utama, iaitu bahagian usul feqah, ibadah dan juga perundangan Islam.

Dalam bahagian Usul Feqah, Yusuf Zaki memfokuskan kepada konsep asas ilmu tersebut dengan tujuan membuka pemikiran masyarakat tentang kepentingan ilmu tersebut yang telah dianggap beku. Manakala pada masa Muhamad Mahmud, penekanan lebih tertumpu kepada penggunaan ilmu Usul Feqah dalam menyelesaikan masalah dan cabaran semasa yang dihadapi oleh umat Islam.

Dalam bahagian ibadat, Yusuf Zaki lebih memfokuskan kepada perkara-perkara asas yang berkaitan dengan ibadat umat Islam. Antaranya penerangan mengenai rukun, syarat dan hukum bersuci, solat, puasa, dan juga haji. Manakala pada masa Muhamad Mahmud, penekanan lebih difokuskan kepada persoalan semasa umat Islam, antaranya mengenai pembayaran zakat melalui potongan gaji, zakat profesional, amalan zakat yang dianggap remeh oleh masyarakat dan juga kedudukan anak luar nikah dalam Islam.

Dalam bahagian perundangan Islam pula, Yusuf Zaki lebih memberi penekanan kepada konsep asas perundangan Islam dengan tujuan memberi pemahaman kepada masyarakat mengenai kepentingan undang-undang Islam. Sedangkan pada masa Muhamad Mahmud,

perbincangan lebih difokuskan kepada kegagalan pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia.

Tema Tamadun Islam

Pada masa Yusuf Zaki tema tersebut telah dibahagikan kepada tiga bahagian yang utama iaitu bahagian kemasyarakatan, pendidikan dan kebudayaan Islam. Sedangkan Muhamad Mahmud telah membahagikan tema tersebut kepada dua bahagian, iaitu bahagian kemasyarakatan dan juga pendidikan Islam.

Dalam bahagian kemasyarakatan, Yusuf Zaki lebih menekankan konsep kejadian manusia, kedudukan wanita dalam Islam, peranan politik dalam Islam, serta galakan kepada kesepaduan masyarakat Islam. Sedangkan pada masa Muhamad Mahmud, penekanan lebih diberikan kepada masalah semasa umat Islam. Antaranya kedudukan wanita bekerjaya dalam Islam serta konsep perpaduan dalam masyarakat Islam.

Dalam bahagian pendidikan pula, Yusuf Zaki lebih menekankan kepada kepentingan pendidikan Islam dalam masyarakat, sedangkan Muhamad Mahmud lebih memfokuskan kepada isu yang berkaitan dengan penemuan ilmu dalam Islam. Antaranya, ilmu perubatan dan juga persuratan Islam.

Tema Tasawuf

Dalam tema ini, Yusuf Zaki lebih memberi penekanan kepada konsep asas ilmu tersebut yang melibatkan kedua-dua tarekat iaitu tarekat "*Naksyabandiah*" dan tarekat "*Mafradiyah*." Manakala pada masa Muhamad Mahmud, perbincangan lebih ditumpukan kepada persoalan semasa yang dialami oleh umat Islam mengenai ilmu tasawuf, iaitu mengenai tanggapan positif dan negatif masyarakat terhadap ilmu tersebut.

CABARAN MAJALAH *PENGASUH*

Terdapat beberapa kelemahan yang dikenal pasti wujud dalam penerbitan majalah *Pengasuh* yang menjadikan majalah tersebut agak terkebelakang jika dibandingkan dengan majalah lain ketika itu. Hasil temu bual penulis dengan kakitangan majalah tersebut, terdapat empat kelemahan utama, iaitu kelemahan dalam aspek gaya dan persembahan majalah, penyusunan sumber manusia, pengurusan kewangan dan pengiklanan serta kelemahan dalam aspek promosi dan pengedaran majalah seperti yang dibincangkan di bawah.

Kelemahan Gaya dan Persembahan Majalah

Mesej merupakan unsur yang dianggap terpenting bagi sesebuah media cetak kerana ini merupakan perkara yang hendak disampaikan kepada khalayak. Menurut Mus Chairil Samani (2000), dalam bidang penerbitan, mesej wujud dalam pelbagai bentuk seperti

perkataan, frasa, grafik ataupun ilustrasi. Bentuk-bentuk mesej mungkin wujud secara bersendirian ataupun bergabung. Sebagai contoh, kulit depan sesebuah majalah akan menceritakan tentang isi kandungannya. Ruang kulit depan yang terhad memerlukan pereka grafik memilih setiap unsur dengan bijak dan tepat dalam pemilihan jenis dan saiz mukahuruf, susunan teks, letakan grafik dan gabungan warna yang mengukuhkan mesej.

Untuk penyampaian mesej dengan lebih berkesan, sesebuah majalah mestilah mempunyai lima strategi mesej yang utama, iaitu mesej yang berbentuk maklumat yang digunakan bagi khalayak yang sememangnya berminat untuk mencari maklumat daripada sumber, strategi hujahan, iaitu dua pandangan dalam sesuatu isu, strategi imej digunakan untuk membangunkan identiti yang kukuh terhadap seseorang, produk ataupun organisasi, strategi emosi digunakan untuk khalayak yang telah bersetuju dengan kandungan mesej dan strategi hiburan digunakan khusus untuk tujuan pengiklanan.

Jika dihubungkan teori penerbitan berkenaan dengan apa yang berlaku dalam pengendalian majalah *Pengasuh*, didapati majalah *Pengasuh* yang berukuran 20cm panjang dan 28cm lebar banyak memaparkan gambar tokoh-tokoh ulama Tanah Melayu, masjid, dan beberapa peristiwa yang berlaku sebagai menghiasi muka depan majalahnya. Tidak ada susunan teks yang terpapar pada muka depan majalah *Pengasuh* untuk memaparkan isi kandungan di dalamnya. Didapati majalah *Pengasuh* banyak menggunakan strategi maklumat dalam menyampaikan mesej kepada sasaran. Strategi hujahan hanya digunakan untuk menjawab persoalan yang dikemukakan oleh pembaca manakala strategi imej digunakan dalam ruangan tokoh ulama dan jarang sekali digunakan strategi emosi. Tidak terdapat juga strategi hiburan dalam majalah tersebut untuk menarik sasaran.

Selain itu, grafik juga memainkan peranan penting untuk menarik minat pembaca. Secara tradisionalnya, grafik meliputi gambar foto, lakaran termasuk kartun, lukisan, klip seni, carta, rajah dan jadual, kotak dan garisan. Grafik memainkan peranan yang penting dalam bidang penerbitan khususnya untuk menarik pembaca daripada golongan muda. Golongan ini juga mahukan gambar atau foto berwarna. Malangnya penerbit majalah *Pengasuh* tidak mengambil kira keperluan unsur grafik, malah mereka telah menggunakan kertas yang kurang berkualiti untuk penerbitan majalahnya. Ini dilakukan untuk mengurangkan kos penerbitan majalah.

Kelemahan Dalam Aspek Sumber Manusia

Dalam proses penerbitan yang mempunyai daya saing, terdapat beberapa proses yang perlu diberi perhatian oleh tenaga yang menguruskan penerbitan majalah. Menurut Mus Chairil Samani (2000), untuk mendapat hasil penerbitan yang baik, beberapa proses dan kepakaran tertentu perlu diambil kira. Menurutnya, gabungan pelbagai tenaga dan kepakaran, antaranya penulis, penerbit, penilai, editor, pereka grafik, pengatur huruf, pembaca pruf, penampal dan yang akhirnya pencetak penting untuk menghasilkan sesebuah penerbitan. Kesemua kepakaran tersebut perlu digembleng secara mantap bagi memperoleh hasil penerbitan yang bermutu serta mampu bersaing dalam pasaran terbuka. Beberapa bidang kepakaran dalam penerbitan bagaimanapun dikatakan turut mengalami perubahan disebabkan perubahan yang wujud dari segi teknologi penerbitan, misalnya fungsi pengatur huruf kini boleh dilakukan oleh komputer.

Hasil daripada pemerhatian terhadap pengendalian majalah *Pengasuh*, didapati proses penerbitannya hanya bergantung kepada beberapa kakitangan sahaja dan kepakaran mereka adalah terhad. Daripada struktur yang ada, penasihat kepada *Pengasuh* ialah Timbalan Mufti, diikuti ketua pengarang atau editor dan hanya ada seorang kerani untuk menguruskan bahagian pemasaran dan pengedaran. Selain itu, *Pengasuh* mempunyai beberapa kolumnis dari universiti tempatan seperti Mahmud Zuhi Abdul Majid, Mohd Kamil Abdul Majid, Hayei Abdul Syukur dari Universiti Malaya dan Zakaria Stapa dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Terdapat juga beberapa orang kolumnis lain seperti Uthman El Muhammadi dan Muhamad Labib Ahmad.

Kekurangan kakitangan untuk mengendalikan proses penerbitan dikatakan antara punca-punca kelemahan seperti ketidaktepatan dalam kekerapan penerbitan.

Kelemahan Pengurusan Kewangan dan Pengiklanan

Kekukuhan ekonomi dianggap penting untuk sesebuah penerbitan terus hidup. Ekonomi penerbitan bergantung kepada hasil jualan majalah dan juga pengiklanan. Menurut Hamidi Mohd Adnan (1997), dalam proses penerbitan, penerbit perlu mengeluarkan perbelanjaan khususnya untuk membayar gaji pengarang, pereka grafik dan pencetak. Di samping itu, penerbit juga perlu membayar para pengedar dan jurujual yang membantu memasarkan hasil penerbitannya. Hasil daripada jualan penerbit akan memperoleh sumber dana bagi meneruskan usaha penerbitan berikutnya. Di samping itu, iklan juga merupakan sumber kewangan utama bagi membiayai penerbitan majalah kini.

Berbeza dengan proses penerbitan seperti yang disebutkan di atas, majalah *Pengasuh* diterbitkan dengan menggunakan sumber kewangan daripada zakat di bawah *asnaf fi sabilillah* dan bukannya daripada hasil jualan atau pengiklanan. Setiap isu yang dikeluarkan dikatakan memerlukan anggaran pembiayaan sebanyak RM8,000.00 dengan cetakan sebanyak 3,000 naskhah. Pulangan yang diperoleh oleh majalah *Pengasuh* hasil daripada jualan hanya di sekitar RM1000 sehingga RM1200 bagi setiap isu. Jumlah ini kebanyakannya diperoleh daripada mereka yang melanggan secara langsung dengan pihak penerbit iaitu lebih kurang 100 orang dan juga diterima daripada hasil jualan oleh pengedar-pengedar utamanya (Laporan tahunan Unit Penerbitan 2000).

Sebagai contoh, jumlah perbelanjaan sebenar untuk menerbitkan 5 keluaran majalah *Pengasuh* pada tahun 1998 adalah RM38,279. Anggaran perbelanjaan bagi mengendalikan majalah tersebut pada tahun 1999/2000 adalah RM52,300.00. Berdasarkan Jadual 1, anggaran perbelanjaan untuk tahun 2000 adalah lebih tinggi daripada perbelanjaan sebenar bagi tahun 1998. Ini berlaku kerana pada tahun 2000, unit penerbitan merancang untuk menerbitkan 12 keluaran majalah tersebut berbanding dengan 5 keluaran pada tahun 1998. Bagaimanapun, perancangan tersebut tidak menjadi kenyataan. Hanya 6 keluaran majalah *Pengasuh* diterbitkan. Kos penerbitan adalah RM24,719.00 sementara jumlah pendepatan hanya RM11,119.00.

Hakikatnya seperti yang ternyata dalam Jadual 2, penerbitan majalah *Pengasuh* telah mengalami kerugian, iaitu sebanyak RM13,600.00. Fenomena ini berlaku kerana pergantungan penerbitan majalah *Pengasuh* kepada duit zakat dan daripada hasil jualan majalah sahaja tanpa mewujudkan inisiatif lain untuk menambahkan pendapatannya, misalnya melalui pengiklanan.

Jadual 1. Belanjawan Unit Penerbitan MAIK

Jenis Kos Penerbitan	Perbelanjaan Sebenar 1998 (RM)	Anggaran Belanjawan 1999-2000 (RM)
Kos mencetak Majalah <i>Pengasuh</i>	24,795	36,000
Kos khat, teknik dan ilustrasi	330	500
Kerja-kerja DTP	1,239	1,500
Kos menjilid <i>Pengasuh</i>	375	400
Elaun ketua pengarang <i>Pengasuh</i>	1,800	2,400
Honorarium pengarang <i>Pengasuh</i>	5,430	9,500
Bayaran Kolumnis <i>Pengasuh</i>	3,230	Masuk dalam bil 6
Elaun Pemberita <i>Pengasuh</i>	180	200
Elaun Prof <i>Pengasuh</i>	900	1800
Jumlah	RM 38,279	RM 52,300

Sumber: Belanjawan MAIK 2000.

Jadual 2. Belanjawan Majalah *Pengasuh* Pada Tahun 2000

Anggaran Belanjawan	Perbelanjaan Sebenar	Jumlah Pendapatan	Jumlah Kerugian
RM52,300.00	RM24,719.00	RM11,119.00	RM13,600.00

Sumber: Laporan Tahunan Unit Penerbitan MAIK.

Dalam proses penerbitan, pengiklanan dianggap penting untuk memperoleh sumber kewangan. Jika diteliti daripada majalah-majalah lain yang berada dalam pasaran hari ini, terdapat pelbagai majalah yang menyediakan ruang untuk iklan yang besar, yang difokuskan kepada sasaran tertentu seperti golongan wanita dan remaja. Berbeza dengan pengendalian majalah tersebut, majalah *Pengasuh* belum mempunyai ruang iklan di dalamnya, malah menurut editor majalah tersebut, ini tidak dilakukan kerana tujuan asal penerbitannya bukanlah untuk mencari keuntungan (Muhamad Mahmud Temu, 2001).

Kelemahan Promosi dan Penedaran

Promosi dan pendedaran merupakan asas kepada sesebuah penerbitan. Menurut Hamidi Mohd. Adnan (1997), untuk melariskan jualan majalah, dua cara perlu dilakukan oleh pihak penerbit, iaitu melalui promosi dan pendedaran.

Hasil temu bual penulis dengan editor majalah *Pengasuh* menunjukkan tidak ada sebarang promosi telah dilakukan untuk melariskan jualan majalahnya. Mereka hanya bergantung kepada pendedar dan juga pelanggan semata-mata. Malah jika diperhatikan, peruntukan perbelanjaan seperti dalam Jadual 2, pihak penerbit tidak memperuntukkan belanjawan yang khusus untuk tujuan promosi. Berhubung dengan pendedaran, pihak penerbit menyerahkan urusan pendedaran kepada pemborong besar yang berada di beberapa buah negeri seperti Pustaka Darul Salam di Alor Setar Kedah, Syarikat Jaafar Rawas di Kota

Bharu Kelantan, Alam Akademik di Kuala Terengganu serta wakil-wakil di Yala dan Patani, di Selatan Thailand. Terdapat juga pelanggan yang melanggan secara langsung dengan pihak penerbit. Pengedaran *Pengasuh* di sebelah Pantai Barat seperti di Perak, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor dan juga Johor dikatakan terhenti sejak 10 tahun dahulu. Ini disebabkan pusat pengedaran Pantai Barat tidak menjelaskan duit hasil jualan majalah dan untuk mengelakkan kerugian yang berterusan, pentadbiran *Pengasuh* tidak mengedarkan majalahnya ke negeri-negeri di Pantai Barat (Muhamad Mahmud, 2001).

SARANAN MEMANTAPKAN MAJALAH *PENGASUH*

Setelah mengkaji dan meneliti beberapa perkara yang berhubung kait dengan penerbitan majalah *Pengasuh*, dikemukakan beberapa saranan yang diharapkan dapat membantu ke arah memantapkan lagi kualiti dan mutu persembahan majalah tersebut. Saranan-saranan ini boleh dibahagikan kepada empat bahagian iaitu:

Saranan Kepada Kakitangan Penerbitan

Kakitangan majalah *Pengasuh* memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan dan kegagalan majalah tersebut. Menyedari hakikat itu, maka penulis telah menggariskan beberapa saranan untuk meningkatkan mutu majalah *Pengasuh* seperti yang disenaraikan di bawah:

a) Peningkatan Gaya Dan Persembahan

Pihak penerbitan majalah *Pengasuh* mestilah mempelbagaikan gaya dan persembahan majalahnya agar dapat menarik minat pembaca untuk membaca majalah tersebut. Antaranya ialah dengan pemilihan grafik yang menarik.

Selain itu, tulisan dalam majalah tersebut perlu ditukar ataupun diubah kepada dua versi iaitu tulisan Jawi Za' ba dan juga tulisan rumi. Penukaran tulisan tersebut adalah penting untuk menarik sasaran dakwah membaca majalah tersebut. Ini kerana ramai di kalangan masyarakat hari ini yang tidak tahu membaca tulisan jawi. Oleh yang demikian, dakwah Islam kepada golongan tersebut tidak akan tercapai sekiranya pihak penerbitan masih mengekalkan tulisan Jawi Za'ba. Manakala penggunaan kertas yang berkualiti juga penting untuk menarik minat pembaca. Kertas yang berwarna kuning perang akan menghilangkan minat pembaca untuk membaca majalah tersebut. Memandangkan zaman sekarang merupakan zaman teknologi maklumat, maka majalah *Pengasuh* dicadangkan supaya diterbitkan secara *on-line* agar setanding dengan majalah lain yang terdapat dalam pasaran.

b) Peningkatan Kualiti Dan Sumber Tenaga Manusia

Penerbitan majalah *Pengasuh* kini hanya bergantung kepada tiga orang kakitangan sahaja. Mereka tidak mempunyai kemahiran dalam dunia penerbitan. Tiga orang kakitangan didapati tidak mencukupi bagi menguruskan kesemua kerja yang membabitkan penerbitan majalah. Oleh itu, untuk memantapkan penerbitan majalah *Pengasuh*, pihak MAIK mestilah

meningkatkan kualiti dalam sumber tenaga manusia, seperti menghantar mereka mengikuti kursus tentang proses penerbitan dan juga mengambil kakitangan yang benar-benar mahir dalam dunia penerbitan. Sesebuah penerbitan majalah sekurang-kurangnya mestilah memerlukan editor, wartawan, penulis, penilai, pereka grafik dan juga pengatur huruf.

c) Peningkatan Pengurusan Kewangan Dan Pengiklanan

Majalah *Pengasuh* mempunyai sumber kewangan daripada zakat. Oleh yang demikian, pihak penerbit majalah *Pengasuh* tidak merasakan apa-apa bebanan sekiranya setiap keluaran menanggung kerugian. Oleh itu tidak ada sebarang proses pengiklanan yang dilakukan. Menurut editor majalah *Pengasuh*, majalah ini hanyalah untuk tujuan akademik dan dakwah semata-mata tanpa ada niat untuk mencari keuntungan atau menambahkan kewangan. Oleh yang demikian, beliau kurang menitikberatkan dari segi keuntungan.

Bidang penerbitan Islam bukan sahaja untuk menyampaikan dakwah kepada masyarakat pembaca, malahan juga merupakan satu industri yang boleh menambahkan sumber pendapatan. Dengan adanya sumber yang kukuh, majalah *Pengasuh* boleh mengambil kakitangan daripada mereka yang benar-benar profesional dalam dunia penerbitan Islam dan menjalankan promosi untuk meningkatkan lagi jualan majalah. Oleh itu, salah satu sumber untuk memperoleh kewangan adalah melalui proses pengiklanan.

d) Peningkatan Promosi dan Pengedaran

Promosi dan pengedaran merupakan perkara asas dalam bidang penerbitan. Daripada penganalisisan yang dibuat, penulis mendapati tidak ada sebarang promosi yang pernah dilakukan oleh majalah *Pengasuh*. Oleh itu, ramai di kalangan masyarakat pembaca yang tidak menyedari kehadiran majalah tersebut. Oleh yang demikian, untuk meningkatkan jualan majalah, beberapa cara promosi mestilah dilakukan. Antaranya menghiasi kulit majalah, menghantar naskhah ulasan kepada media cetak lain dan media elektronik, naskhah hadiah kepada pertubuhan, institusi ataupun individu tertentu dengan nota khas daripada penerbit dan lawatan jurujual ataupun wakil pengedar ke sekolah-sekolah ataupun pusat-pusat pengajian tinggi.

Manakala dari sudut pengedaran pula, majalah *Pengasuh* mestilah mempunyai empat elemen penting, iaitu pembeli yang melanggan terus dengan pihak penerbit, pembeli institusi, peruncit dan juga pemborong besar. Pihak majalah *Pengasuh* tidak boleh hanya menyerahkan majalah mereka kepada pemborong besar semata-mata tanpa mempedulikan sama ada majalah itu laris dalam pasaran atau sebaliknya.

Saranan Kepada Pihak Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)

Majalah *Pengasuh* merupakan sebuah majalah dakwah yang telah lama muncul di persada penerbitan Islam. Namun peranannya sebagai sebuah penerbitan Islam tidak begitu menonjol seperti majalah lain yang ada di pasaran. Oleh itu, untuk meningkatkan prestasi penerbitan majalah tersebut, maka antara langkah perlu diambil ialah menswastakan penerbitan majalah tersebut. Langkah penswastakan ini akan menjadikan penerbitan majalah

tersebut lebih berdikari dan tidak bergantung sepenuhnya kepada perbelanjaan yang telah diperuntukkan oleh kerajaan dan mereka yang terlibat dengan majalah tersebut akan bekerja keras untuk melariskan majalah mereka demi menambahkan pendapatan.

Saranan Kepada Para Akademik Dan Intelektual Islam

Memandangkan majalah *Pengasuh* dianggap majalah warisan zaman, maka sumbangan para akademik dan intelektual Islam adalah perlu. Antara sumbangan yang dirasakan perlu, seperti menghantar sumbangan idea dalam bentuk artikel dan juga mengadakan beberapa bentuk seminar untuk meningkatkan mutu penerbitan majalah tersebut. Tanpa saranan daripada pihak intelektual, penulis merasakan majalah ini tidak mampu untuk melangkah jauh ke hadapan setanding dengan majalah lain yang berada dalam pasaran.

Saranan Kepada Masyarakat Islam

Kerjasama dari masyarakat perlu untuk memastikan majalah *Pengasuh* kekal di persada dunia penerbitan Islam. Pemupukkan nilai membaca di kalangan diri individu masyarakat adalah salah satu cara untuk meningkatkan prestasi jualan majalah tersebut. Majalah *Pengasuh* merupakan sebuah majalah yang banyak menerbitkan isu-isu yang membabitkan hukum Islam semasa dan ia amat sesuai dijadikan rujukan kepada semua golongan masyarakat

KESIMPULAN

Sepanjang penerbitannya yang bermula dari tahun 1918, majalah tersebut telah mempunyai seramai sembilan orang editor. Mereka ialah Tok Kenali, Datuk Laksmana, Datuk Haji Ahmad Maher, Adnan Ariffin, Hasan Haji Muhamad, Ismail Yusuf, Abdul Ghani Azmi, Yusuf Zaki dan sekarang Muhamad Mahmud. Editor tersebut bukan sahaja menjalankan tugas sebagai editor, malahan mereka juga berperanan besar dalam penulisan artikel Majalah *Pengasuh* yang bermotokan "*Majalah Bulanan dan Hadarah Islamiah*" dianggap sebuah majalah yang berkomitmen tinggi dalam menyebarkan dakwah kepada golongan sasaran. Bagi mereka yang mengkaji majalah *Pengasuh*, kekuatan majalah tersebut sebagai media dakwah terletak pada isi kandungan yang hendak disampaikan kepada masyarakat berdasarkan kepada lima tema utama, iaitu tema akidah, syariah, tamadun Islam, tasawuf dan tokoh ulama. Kelima-lima tema tersebut telah mencakupi pelbagai bidang kehidupan. Antaranya bidang sosial, ekonomi dan juga politik berdasarkan kepada syariat Islam yang sebenar.

Walaupun majalah *Pengasuh* mempunyai lima tema khusus yang merupakan tema dakwah majalah tersebut, penekanan adalah berbeza mengikut aliran pengarangnya. Hasil daripada penelitian tema dakwah yang dibuat, didapati bermula dari tahun 1975 sehingga 2000, fokus majalah *Pengasuh* mencerminkan aliran pemikiran yang berlainan di antara Yusuf Zaki (1975–1990) dan Muhamad Mahmud (1990–sekarang). Perbezaan tersebut

mungkin timbul daripada pengalaman mereka dalam penulisan artikel dan juga perbezaan dalam menangani isu semasa dalam masyarakat.

Dari sudut pengalaman, Yusuf Zaki merupakan seorang yang berkebolehan mengarang. Ini berdasarkan kepada sumbangan artikel beliau dalam beberapa tema seperti tema akidah, syariah, tamadun dan juga tokoh ulama, sedangkan Muhamad Mahmud hanya menumpukan kepada tema tokoh ulama sahaja dan hanya terdapat satu tema sahaja yang ditulis dalam tema tamadun. Manakala dari sudut isu yang diterbitkan, terdapat perbezaan yang ketara antara kedua-dua pengarang ini. Yusuf Zaki lebih memfokuskan perbincangan yang berkaitan dengan perkara-perkara asas umat Islam sedangkan Muhamad Mahmud lebih menumpukan kepada persoalan semasa. Walaupun antara kedua-dua orang pengarang tersebut terdapat perbezaan pengalaman dan isu yang ketara, namun kedua-dua mereka dianggap berperanan besar dalam penerbitan majalah tersebut yang kekal hingga ke hari ini.

Berhubung dengan cabaran yang dihadapi, majalah *Pengasuh* telah diterbitkan oleh MAIK sejak tahun 1918 lagi. Walaupun telah lama bertapak dalam dunia penerbitan Islam, namun majalah tersebut didapati terpinggir dan jauh ketinggalan berbanding majalah lain yang berada dalam pasaran. Berbeza dengan kejayaannya pada peringkat awal, pencapaiannya kini merosot kerana beberapa kelemahan. Antaranya kelemahan dalam aspek pengurusan sumber manusia, pengurusan kewangan dan pengiklanan, promosi dan pengedaran majalah serta aspek gaya dan persembahan majalah. Oleh itu, beberapa saranan telah dikemukakan untuk memastikan majalah tersebut mampu untuk bersaing dengan majalah-majalah lain.

Pendekatan dakwah menerusi media cetak memerlukan kesungguhan umat Islam untuk sama-sama bersaing mencari ilmu dan kemanfaatan. Justeru itu, untuk memanfaatkan media cetak Islam sebagai sebuah media dakwah bukanlah satu kerja yang mudah. Ini memerlukan sokongan dan perhatian daripada semua pihak. Majalah *Pengasuh* yang dianggap majalah warisan bangsa dan umat Islam di Malaysia, mestilah dijaga mutu pengeluarannya. Peningkatan kepada pengeluaran majalah yang merangkumi aspek gaya bahasa dan persembahan majalah perlu untuk menjadikan majalah tersebut bukan sahaja sebagai sumber maklumat Islam, malah sebagai warisan dan tinggalan sejarah yang masih boleh dibanggakan oleh seluruh umat Islam, khususnya di Malaysia pada hari ini.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Al-Ahmadi (2000, Ogos). *Pemikiran besar dalam majalah Pengasuh*. Kertas kerja Seminar Sehari Majalah Pengasuh. Kota Bahru, Kelantan.
- Abdul Razak Mahmud (1993) 75 tahun majalah Pengasuh (1982–1992). *Warisan Kelantan XII*. Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri.
- Hamed Mohd Adnan (1996). *Penerbitan dan pemasaran buku*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hamed Mohd Adnan (1997). *Pengantar penerbitan buku*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Media Universiti Malaya.
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (1997). *Buletin MAIK*.
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (2000). *Belanjawan MAIK*.
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (2000). *Laporan Tahunan Unit Penerbitan*.
- Md. Sidin Ahmad Ishak (1998). *Penerbitan percetakan Bahasa Melayu 1907–1960*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohd.Sarim Mustajab (1998, Ogos). *Akhbar dan majalah agama sebelum perang: Sumbangan dan peranannya dalam perkembangan masyarakat*. Kertas kerja Seminar Akhbar dan Majalah. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Muhamad Mahmud (2000, Ogos). *Penerbitan majalah Pengasuh dalam tempoh lapan desawarsa*. Kertas kerja Seminar Sehari Majalah Pengasuh. Kota Bharu, Kelantan.
- Muhamad Mahmud (2001, Mei). Temu bual editor majalah Pengasuh.
- Mus Chairil Samani (2000). *Pengenalan penerbitan media cetak*. Selangor: Mrcr Media.
- S.Othman Kelantan (2000, Ogos). *Sumbangan majalah Pengasuh kepada masyarakat*. Kertas kerja Seminar Sehari Majalah Pengasuh. Kota Bharu, Kelantan.
-